

# Konvokesyen UMS: Dua beradik terima ijazah serentak curi perhatian ramai

**UB 01.07.2022 P.08**  
**KOTA KINABALU:** Dua beradik yang menamatkan pengajian serentak pada Majlis Konvokesyen UMS ke-23 mencuri perhatian ramai.

Hiew Soon Lung, 29, dan Hiew Li Ling, 26, masing-masing menerima Ijazah Sarjana Muda Ekonomi Sumber Manusia (Kepujian) pada majlis yang berlangsung di Dewan Canselor UMS, di sini, pada 25-27 Jun 2022.

Kedua-dua mereka menamatkan pengajian tersebut menerusi Pusat Luar UMS (PLUMS) cawangan Tawau.

Yang menariknya salah seorang daripada mereka iaitu Soon Lung merupakan Orang Kurang Upaya (OKU) dan menghidap penyakit "Cerebral Palsy".

Menurut Soon Lung, penyakit yang dihadapinya menyebabkan tangan kanan dan kiri tidak kelihatan normal seperti orang lain.

"Saya mengambil keputusan memilih PLUMS Tawau kerana waktu pembelajaran yang fleksibel dan lokasinya berdekatan dengan kediaman kami.

"Berkat pertolongan daripada adik yang sentiasa menjaga saya sepanjang pengajian, saya berjaya memperoleh PNGK 3.51," jelas beliau.

Sementara itu, Li Ling ketika dihubungi memaklumkan bahawa beliau pada awalnya meneruskan pengajian di UMS Labuan, namun terpaksa berpindah ke PLUMS Tawau demi



**BANGGA:** Soon Lung (tiga kiri) dan Li Ling (tiga kanan) bersama keluarga pada Majlis Konvokesyen UMS.

menjaga abangnya.

"Saya dan abang berada dalam kelas yang sama dan kami sering memberikan motivasi serta sokongan moral dalam apa juga tugas yang diberikan pensyarah.

"Saya juga berterima kasih kepada rakan-rakan sekelas yang turut memberi tunjuk ajar demi peningkatan kejayaan bersama," katanya yang memperoleh keputusan PNGK 3.49.

Kedua graduan tersebut turut merakamkan kesyukuran dan penghargaan kepada ibu bapa dan ahli keluarga serta semua kenalan yang sentiasa mendoakan kejayaan mereka.

"Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan. Jangan pernah sesekali berputus asa sehingga mencapai ke garisan penamat.

"Jangan pernah takut melakukan kesilapan atau mengalami kegagalan

semasa belajar, kerana kesilapan dan kegagalan itulah yang akan membentuk anda menjadi insan yang lebih baik.

"Bagi mereka yang ingin melanjutkan pengajian dengan ruang lingkup pembelajaran yang lebih fleksibel, saya amat menyarankan anda melanjutkan pengajian menerusi PLUMS termasuk golongan yang senasib dengan saya," tambah Soon Lung.